

'Kerajaan mampu bertahan'

Anwar cabar pembangkang bawa usul ke Parlimen jika cukup SD

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin Kerajaan Perpaduan yang diterajuinya akan kekal sehingga pilihan raya

umum (PRU) akan datang.

“Saya sangat yakin Kerajaan Perpaduan kekal penuh sehingga pilihan raya lima tahun lagi,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas lapo-

ran mendakwa pembangkang kini mempunyai Akuan. Bersumpah (SD) mencukupi bagi membentuk kerajaan.

“Kalau dia ada (SD), masa Parlimen nanti bawa SD dan buat usul di Parlimen.

“Tidak ada masalah. Ini tiap-tiap minggu dia jadi macam mengigau. sebelum puasa, sebelum raya, selepas raya, sebelum raya haji, sebelum Thaipusam, sebelum Tahun Baharu Cina dan ba-

nyak lagi sebelum.

“Insya-Allah, Kerajaan Perpaduan kekal penuh sehingga pilihan raya akan datang,” katanya selepas merasmikan ibu pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah sempena sambutan ulang tahun ke-75 persatuan itu, semalam.

Sebelum ini, ada laporan menyatakan pembangkang mempunyai SD mencukupi dan mencadangkan nama Ketua Pembang-

kang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, Perdana Menteri.

PAS sahkan laporan palsu

Kelmarin, PAS mengesahkan kenyataan media kononnya menzahirkan sokongan terhadap Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang, menjadi Perdana Menteri sebagai palsu

Perkara itu disahkan Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Taqiyuddin Hassan.